

KHUTBAH JUMAAT

“IBADAH PUASA YANG SEMPURNA”

(7 Mac 2025M/ 6 Ramadan 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada melakukan tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Ibadah Puasa yang Sempurna**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sudah hampir seminggu kita berpuasa. Ini bermakna satu pertiga yang pertama daripada bulan Ramadan akan berlalu. Adakah kita

telah memanfaatkan tempoh beberapa hari yang telah berlalu itu dengan memperbanyakkan amal soleh dan menjaga diri daripada segala perkara yang boleh mengurangkan pahala serta keberkatan puasa?

Imam al-Ghazali *rahimahullah* dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* mengkategorikan orang yang berpuasa itu kepada tiga kategori, iaitu:

Pertama: Puasa kategori awam. Puasa sekadar menahan diri daripada melakukan segala perkara yang membatalkan puasa.

Kedua: Puasa kategori khusus. Puasa yang bukan sekadar menghindarkan diri daripada segala perbuatan yang membatalkan puasa malah menjaga pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki dan seluruh anggota badan daripada dosa. Inilah puasa orang yang soleh.

Ketiga: Puasa kategori paling khusus. Iaitu puasa hati daripada urusan yang remeh dan duniawi, serta menghindari segala perkara selain Allah *subhanahu wata'ala* secara total. Ini merupakan tingkatan puasa para Nabi *alaihimussalam*, *siddiqin* dan *muqarrabin*.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Puasa kategori khusus ialah puasa orang yang soleh, iaitu menghindari melakukan dosa anggota badan. Imam al-Ghazali *rahimahullah* telah menggariskan enam perkara yang merupakan adab berpuasa yang perlu diambil berat untuk memperolehi ibadah puasa yang sempurna, iaitu:

Pertama : Menjaga penglihatan daripada memandang sesuatu yang boleh memesongkan hati daripada mengingati Allah *subhanahu wata'ala*, lebih-lebih lagi sesuatu yang haram seperti memandang perempuan yang bukan mahram dengan penuh memberahikan. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

«النَّظَرُ سَهْمٌ مَسْمُومٌ مِنْ سِهَامِ إِبْلِيسِ فَمَنْ تَرَكَهَا خَوْفًا مِنَ اللَّهِ آتَاهُ اللَّهُ إِيمَانًا يَجْدُ حَلَاوَتَهُ فِي قُلُوبِهِ»

Maksudnya: Pandangan itu adalah panah yang beracun daripada anak-anak panah Iblis. Sesiapa yang menjaganya (penglihatannya) kerana takut kepada Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya cahaya keimanan yang dapat dirasakan kemanisan dan kelazatannya dalam hatinya.

(*Hadis riwayat al-Hakim*)

Kedua : Menjaga lidah daripada bercakap yang tidak berfaedah, berdusta, bercakap kasar, mengumpat, mencarut, bertengkar dan sebagainya. Bahkan hendaklah kita banyak berdiam diri dan bercakap hanya yang perlu serta menggunakan waktu untuk berzikir kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan membaca al-Qur'an. Inilah dia puasa lisan. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, sesungguhnya Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

«الصِّيَامُ جُنَاحٌ فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ وَإِنْ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلَيَقُولَنَّ : إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ ...»

Maksudnya: Puasa itu adalah perisai. Oleh itu, orang yang berpuasa janganlah melakukan perkara keji dan melakukan perbuatan orang yang jahil. Jika seseorang mengajaknya bergaduh atau memakinya, hendaklah ia berkata,: "Sesungguhnya aku berpuasa" sebanyak dua kali...

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Hadis ini mengajar kita bahawa orang yang berpuasa hendaklah mengelakkan diri daripada membalaik kejahatan dengan kejahatan bahkan hendaklah membalaiknya dengan kebaikan. Dia perlu ingat bahawa dia sedang berada dalam ibadah serta mengharapkan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*, maka dia tidak boleh mencacatkan ibadahnya. Dia hendaklah berkata dengan lidah dan hatinya, diajukan kepada dirinya dan kepada orang yang mencelanya : "Sesungguhnya aku sedang berpuasa, sesungguhnya aku sedang berpuasa".

Ketiga : Memelihara pendengaran daripada mendengar perkara yang dilarang dan dibenci oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Hal ini demikian kerana, setiap perkataan yang haram diucapkan, maka haram juga untuk didengari. Oleh sebab itulah, Allah *subhanahu wata'ala* telah menyamakannya dengan memakan sesuatu yang diharamkan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Ma'idah, ayat 42:

سَمَّاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّخْتِ ...

Maksudnya: Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya)...

Keempat : Menjaga segala anggota badan yang lain seperti menjaga tangan daripada memegang sesuatu yang haram, menjaga kaki daripada berjalan ke arah sesuatu yang haram dan demikianlah juga dengan anggota-anggota badan yang lain.

Begitu juga sewaktu berbuka, perut dijaga daripada menerima makanan yang berlebihan, apatah lagi makanan yang meragukan dan haram. Orang yang berpuasa kemudian berbuka dengan makanan daripada sumber harta yang haram adalah seumpama seorang yang berubat untuk sesuatu penyakit tetapi mencampurkannya dengan sedikit racun berbisa. Ubat itu adalah baik untuk penyakitnya tetapi pada masa yang sama racun yang dicampur itu akan memudaratkannya. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

«رَبُّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ، وَرَبُّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهْرُ»

Maksudnya: Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan dahaga, boleh jadi orang yang beribadat berqiyam itu tidak mendapat apa-apa daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Dalam menghuraikan hadis ini, ada pelbagai pendapat dalam kalangan ulama. Ada yang mengatakan bahawa orang itu adalah orang yang berbuka puasa dengan makanan yang haram. Ada juga yang berpendapat bahawa orang itu adalah orang yang berpuasa dengan menahan dirinya dari makan dan minum tetapi berbuka dengan memakan daging manusia; iaitu mencaci orang dan mengumpat. Manakala sebahagian yang lain mengatakan bahawa orang yang dimaksudkan itu ialah orang yang tidak memelihara anggota tubuh badannya daripada perbuatan dosa.

Kelima : Elakkan makan terlalu kenyang ketika berbuka puasa. Sesungguhnya, antara tujuan puasa itu adalah menahan selera dan menundukkan nafsu syahwat untuk mengukuhkan ketakwaan dalam jiwa. Matlamat ini tidak akan dicapai kecuali makan dan minum dapat dikurangkan. Jika berpuasa hanya sekadar menahan lapar di siang hari hingga ke masa berbuka, lalu membiarkan syahwat berlonjak-lonjak kemahuannya kepada makanan, lalu dilayan pula dengan pelbagai aneka juadah yang sedap, sehingga perut kekenyangan, tentulah nafsu syahwat tidak akan terdidik bahkan akan semakin menguatkannya.

Keenam: Hendaklah hatinya berasa bimbang antara takut dan harap, kerana tidak mengetahui apakah amalan puasa diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala* sehingga tergolonglah dalam golongan *muqarrabin* (orang yang hampir dengan Allah), ataupun puasanya tertolak, maka tergolonglah dalam kalangan orang yang dimurkai. Sesungguhnya, perasaan seumpama ini seharusnya sentiasa ada

pada setiap individu muslim setiap kali selesai melakukan sesuatu ibadat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Inilah enam perkara yang perlu dijaga oleh seorang muslim yang soleh dalam menjalani ibadat puasanya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kepada kita semua taufiq dan hidayah-Nya untuk beramal dengan perkara-perkara tadi dan seterusnya menjadikan kita termasuk dalam golongan orang yang diterima ibadatnya dan bertaqwa kepada-Nya. Amin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Kita hendaklah berusaha melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna iaitu tingkatan puasa golongan khusus (orang soleh).

Kedua: Umat Islam hendaklah menjaga anggota zahirnya seperti mata, tangan dan sebagainya daripada membuat dosa ketika berpuasa.

Ketiga: Hendaklah hati kita berada antara takut dan harap setiap kali selesai melakukan sesuatu ibadat kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga amalan kita diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah surah an-Nahl, ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ وَ حَيَاةً طَيِّبَةً
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

Maksudnya: Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهَ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan Ramadan ini, marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu dan solat sunat tarawih serta witir secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan juadah berbuka kita dan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkuuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلَّا سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّا
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, perperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanlah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ . وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ . يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ . وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ . وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ . وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ . أَقِيمُوا الصَّلَاةَ .